

Artikel

**Tema Pengembaraan dan Plot Bertemu-Berpisah Dalam *Syair Cendawan Putih Adanya*: Satu Penetapan Genre Panji**  
(*The Adventure Theme and the Meet-Separate Plot in "Syair Cendawan Putih Adanya": Establishing the Panji Genre*)

Rosnani Ibrahim, Shaiful Bahri Md Radzi & Muammar Ghadafi Hanafiah

Pusat Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [\\_rosnanie74@gmail.com](mailto:_rosnanie74@gmail.com)

Diserah: 15 Disember 2024

Diterima: 20 Februari 2025

**Abstrak:** Kajian ini membincangkan *Syair Cendawan Putih Adanya* dalam bentuk teks bercetak dalam tulisan jawi yang bertulis tangan tersimpan di Perpustakaan Tun Sri Lanang di Koleksi Asia Tenggara, bernombor PL 5178.2 C4 S9. Naskhah ini turut ditemukan di pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara. Terdapat empat versi berbeza ditemukan terhadap naskhah ini. Teks -teks naskhah ini terdapat di Universiti Malaya (PL 5117.1), Universiti Sains Malaysia (PL 5117.2.C3.1950m), di Universiti Brunei Darussalam (PL5132 S936) dan di Murdoch University Australia (899.22319 C 3951). Kajian ini adalah kajian kualitatif berorientasikan metodologi strukturalisme. Kaedah metodologi strukturalisme dengan mengaplikasi ciri dari model atau kerangka Harun Mat Piah (1980) yang mencakupi aspek tema, plot, watak, penyamaran, inkarnasi dan unsur Jawa untuk mencari jawapan kepada permasalahan kajian. Pengaplikasian Model Cerita Panji Harun Mat Piah berfungsi untuk menentukan status klasifikasi genre sebenar karya syair ini. Dapatan kajian membuktikan bahawa *Syair Cendawan Putih Adanya* seharusnya diklasifikasikan, ditempatkan, dikategorikan atau dikelompokkan sebagai genre cerita panji memandangkan karya ini ialah cerita panji berbentuk syair kerana gubahannya beracukan cerita panji yang sarat dengan aroma kejawaan. Tema pengembaraan dan plot bertemu-berpisah menjadi teras utama binaan cerita panji terserlah dan terjalin erat dalam karya ini. Kajian ini dapat memberi sumbangan untuk menambahkayakan lagi khazanah karya kesusasteraan dan membantu mengetengahkan kepada khalayak untuk menjadi sebahagian daripada bahan bacaan. Secara tidak langsung satu usaha untuk melestarikan warisan budaya bangsa.

**Kata kunci:** Versi; genre; diklasifikasikan; panji; kejawaan

**Abstract:** This study examines *Syair Cendawan Putih Adanya*, a printed text written in handwritten Jawi script, preserved in the Tun Sri Lanang Library under the Southeast Asia Collection, with the reference number PL 5178.2 C4 S9. This manuscript has also been found in higher education institutions both domestically and internationally. Four distinct versions of this manuscript have been identified, located at the University of Malaya (PL 5117.1), Universiti Sains Malaysia (PL 5117.2.C3.1950m), Universiti Brunei Darussalam (PL5132 S936), and Murdoch University in Australia (899.22319 C 3951). This research adopts a qualitative approach, grounded in structuralist methodology. The study applies Harun (1980) framework, which encompasses themes such as theme, plot, character, disguise, incarnation, and Javanese elements, to address the research questions. By utilizing Harun Mat Piah's Model Cerita Panji, the study aims to determine the true genre classification of this poetic work. The findings reveal that *Syair Cendawan Putih Adanya* should be classified, categorized, and grouped under the Panji Tales genre. This is because the work is a poetic rendition

of a Panji Tales narrative, deeply infused with Javanese cultural elements. The themes of adventure and the plot structure of meetings and separations form the core of this cerita panji, intricately woven throughout the text. This study contributes to enriching the literary heritage and promotes the work as a valuable piece of reading material for the public. Indirectly, it also serves as an effort to preserve the nation's cultural legacy.

**Keywords:** Version; genre; classification; panji; javanese

---

## Pengenalan

*Syair Cendawan Putih Adanya* adalah karya yang sarat dengan dunia pengembaraan. Bermula dengan watak protagonisnya Raden Panji Kusuma Ningrat diikuti pula oleh watak Puteri Palinggam Cahaya dan Puteri Ratna Sari dan termasuk juga dengan watak antagonisnya Raden Panji Kusuma Wati. Malah pengembaraan ini dikembangkan pula kepada keturunan watak utama Raden Panji Kusuma Ningrat iaitu anaknya Raden Panji Dewa. Berkisarkan dunia pengembaraan itu, cerita ini diisi pengarang dengan pelbagai adegan dan babak agar plot cerita bukan sahaja lebih menarik untuk dibaca namun ia juga mampu menggunakan khalayaknya. Ditambah pula dengan campuran gaya dan bentuk pantun dalam beberapa babak-babaknya, sesuai dan sinonim dengan peranan serta fungsi yang dimainkannya.

Justeru, dunia pengembaraan dalam karya ini adalah tema yang diangkat atau diketengahkan pengarang, lalu diperutuh dengan plot cerita lain iaitu 'pertemuan' yang seolah-olah dikembarkan dengan tema utamanya. Pengembaraan akan menemukan suatu pertemuan kerana pengembaraan itu adalah satu pencarian. Diperhiasi dengan plot-plot lain seperti percintaan, sayembara, peperangan, kesakitan, pembunuhan, perpisahan, pengorbanan, kedengkian, kebencian, *Syair Cendawan Putih Adanya* diakhiri pula dengan kebahagiaan yang berkekalan. Semua perkara ini iaitu tema, plot dan perisian pengembangan cerita dimainkan watak-watak yang diciptakan, bukan sahaja watak utama, malah dicernakan pada watak pembantu dan sampingan. Biar pun begitu, teks ini tidak diwajibkan kedudukan juga genrenya. Oleh itu, penekanan terhadap tema, plot dan watak dapat menempatkan wadah yang harus dikategorikan untuk *Syair Cendawan Putih Adanya* ini.

Persoalannya adalah kelompok manakah harus dikategorikan syair ini apabila terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan sarjana dalam penetapan kategorinya. Harun (1980) meletakkan syair ini dalam kategori genre lipur lara dengan menyuguhkannya hanya melalui perkataan "mungkin." Situasi ini jelas membuktikan satu keraguannya dalam penetapan kategori syair ini. Abdul Rahman (1989) menolak pengelompokan syair ini sebagai *genre panji* dengan menyatakan pendapatnya yang dirasakan tidak tepat. Ini kerana beliau menghujahkannya dengan perkataan "tidak terdapat" unsur-unsur panji di dalamnya dan dirasakan adalah satu keputusan yang jauh dari satu penelitian secara tuntas. Malahan beliau juga tidak menyatakan secara pasti genre yang sewajarnya syair ini harus dikelompokkan. Siti Hawa (1997) pula mengkategorikan syair ini sebagai cerita panji berdasarkan kepada model atau kerangka teks *Cerita-cerita Panji Melayu* yang diutarakan Harun Mat Piah sebagai bukti sokongan.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahwa pernyataan para sarjana ini jauh dari satu penelitian mendalam kecuali Siti Hawa Haji Salleh. Oleh itu, kajian ini ingin menetapkan kedudukan sebenar bagi kategori *Syair Cendawan Putih Adanya*, memandangkan tidak ditentukan keberadaannya jika ditinjau dari tiga pendapat yang dinyatakan di atas. Memandangkan tiada persamaan pendapat dan pandangan untuk meletakkan syair berkenaan dalam kategori yang seharusnya, baik Harun (1980), Abdul Rahman (1989) mahupun Siti Hawa (1997), maka permasalahan kajian ini cuba mengungkap di genre manakah sewajarnya *Syair Cendawan Putih Adanya* ini diklasifikasikan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif berorientasikan metodologi strukturalisme. Kaedah metodologi strukturalisme dengan mengaplikasi ciri dari model atau kerangka Harun (1980) yang mencakupi aspek tema, plot, watak, penyamaran, inkarnasi dan unsur Jawa untuk mencari jawapan kepada permasalahan kajian. Secara tidak langsung juga adalah satu usaha dalam proses memahami dan mendekati isian teks syair ini.

Keseluruhannya, kajian kualitatif ini dilaksanakan sepenuhnya melalui kajian perpustakaan. Pendekatan ini merangkumi pencarian dan pembacaan pelbagai sumber, termasuk sumber primer, iaitu naskhah asal *Syair Cendawan Putih Adanya* dan beberapa sumber sekunder seperti buku dan makalah berwasit. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberikan jawapan yang jelas dan tepat mengenai tempat yang sepatutnya diduduki oleh syair tersebut dalam konteks sastera Melayu. Beberapa perpustakaan utama yang dijadikan tempat rujukan dalam pencarian bahan termasuk Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), Perpustakaan Jabatan Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (UKM), serta Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) turut menjadi destinasi penting dalam memperoleh bahan-bahan yang relevan dengan kajian ini. Setiap bahan yang diperoleh daripada perpustakaan-perpustakaan tersebut akan dianalisis dengan teliti mengikut skop kajian yang telah ditetapkan. Proses analisis ini dijalankan dengan berhati-hati agar ia tidak menyimpang daripada tujuan asal kajian yang berfokus kepada naskhah manuskrip pilihan. Melalui pendekatan ini, diharapkan dapat memastikan ketepatan dalam memahami dan menilai kedudukan syair tersebut, sekali gus memperkukuhkan hujah-hujah yang dikemukakan sepanjang kajian. Dengan pengumpulan dan analisis data yang komprehensif, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada perkembangan pengkajian sastera Melayu, khususnya dalam memahami kedudukan syair yang menjadi subjek utama kajian ini.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Tema adalah aspek yang mengembangkan cerita dan akhirnya mampu membangun sebagai sebuah karya sastera. Menurut Harun (1980: 148) dan Abd Rahman (1989: 144), tema cerita panji adalah pengembaraan dalam usaha mencari cinta sang kekasih. Justeru melalui pengembaraan dan pencarian cinta itulah pelbagai dugaan dan cabaran yang dihadapi Panji dan dalam situasi inilah juga berlakunya penyamaran dan inkarnasi. Berasaskan faktor tema, Harun Mat Piah menolak *Syair Cendawan Putih Adanya* ini sebagai cerita panji. Hal ini kerana katanya sebagai sebuah cerita panji sewajibnya tema pengembaraan dalam pencarian cinta yang diungkap dan dikembangkan di dalamnya bukan atas hasad serta faktor dengki menjadi pokok cerita seperti yang dicerna dalam teks *Syair Cendawan Putih Adanya* ini.

Bersenjatakan tema cerita-cerita panji yang dijelaskan oleh dua sarjana ini, sebenarnya *Syair Cendawan Putih Adanya* berpokok ceritakan perkara yang sama. Mengembara Sang Panji bukan sebagai pencari cinta tetapi untuk mengenali alam dan dunia luar hidupnya, satu langkah demi menambahkan lagi ilmu di dada. Namun dalam masa yang sama pengembaraan dalam usaha mengenali dunia luar ditemukan juga cintanya. Hal ini bermakna pengarang teks *Syair Cendawan Putih Ada* adalah lebih kreatif dan dilihat perjalanan ceritanya lebih relevan. Pertemuan yang tidak dirancang ini membuat rasa cinta dan untuk membuktikan keutuhan cinta itu berlaku juga perpisahan. Begitu juga, rasa cinta itu terhalang oleh keadaan diri yang menjadi tunangan orang lalu membawa musibah pertentangan mempertahankan hak atau mudahnya membina satu peperangan. Hal ini dapat dibuktikan melalui dua watak utama dalam teks syair ini iaitu pada watak Raden Panji Kusuma Ningrat dan Raden Panji Dewa.

Setelah usia meningkat dewasa dan menyedari diri sudah cukup kuat untuk menempuh cabaran, Raden Panji Kusuma Ningrat memulakan langkah pertama pengembaraan. Lalu dengan keizinan bondanya Indera Maya pengembaraannya bermula dan Tanjung Pura adalah negeri atau lokasi persinggahan pertama. Di negeri ini Raden Panji Kusuma Ningrat menabur bakti dengan membantu Raja Dewa Syahfari menantang musuhnya Raja Dewa Syams yang cuba menakluknya. Sebagai balasan, Raden Panji Kusuma Ningrat diangkat sebagai pengganti takhta di negeri itu.

*Tidak dipanjangkan kisah bekerja  
Raden dilantik menjadi raja  
Indera Sakti muda remaja  
Inilah kerana nama dipuja. (r. 199)*

Sesudah itu Raden Panji Kusuma Ningrat ingin kembali menemui bondanya yang ditinggalkan biarpun berpeluang untuk menjadi pemerintah di negeri Tanjung Pura. Sekembalinya untuk menemui semula

bondanya itulah baginda bertemu Puteri Ratna Sari iaitu putri berketurunan jin yang menetap di Pohon Beringin Kepayang Hijau. Pertemuan itu membuahkan rasa cinta antara keduanya dan Puteri Ratna Sari bersedia dengan rela hati meninggalkan kediaman itu untuk turut bersama Raden Panji Kusuma Ningrat dan mereka bahagia sebagai sepasang kekasih di negeri yang baru dibina Indera Buangan atas restu orang tua, bondanya Indera Maya.

Kebahagiaan itu bertukar duka, apabila berlaku musibah kepada Raden Panji Kusuma Ningrat yang hilang di Laut Daksa Dewa. Kehilangan ini berlaku ketika usahanya untuk mendapatkan telur merpati putih yang diinginkan Raden Panji Kusuma Wati demi menyembuhkan ayahnya Gemala Putera. Puteri Ratna Sari yang mencintai sepenuh hati Raden Panji Kusuma Ningrat berusaha untuk menjejaki kekasihnya. Dalam usaha menjejaki kekasih hati, puteri menghadapi cabaran dan rintangan. Semua pengiring juga kapalnya musnah dilanda ombak besar hingga puteri terkapai sendirian di tengah lautan.

*Tiada berhenti siang dan malam  
Berapa lamanya mencari Syah Alam  
Turunlah ribut waktu silam  
Pecahlah kapal habis tenggelam. (r. 574).*

Biarpun begitu sukar situasi yang dihadapi Puteri Ratna Sari, akhirnya menemukan Raden Panji Kusuma Ningrat yang juga turut terkapai di laut yang sama. Hal ini membuatkan Raden Panji Kusuma Ningrat merasa terhutang nyawa kerana Puteri Ratna Sari berusaha menjejakkan hingga sanggup menyabung nyawa. Keadaan ini membuatkan rasa cinta Raden Panji Kusuma Ningrat terhadap Puteri Ratna Sari kian lebih mendalam.

Pengembaraan Raden Panji Kusuma Ningrat untuk membantu Raden Panji Kusuma Wati abang tirinya, untuk mendapatkan telur merpati putih yang diinginkan menemukan pulau Putri Palinggam Cahaya. Puteri Palinggam Cahaya anak kepada Syah Dewa Alam Seri Indra yang juga berkeinginan untuk memakan telur merpati putih seperti yang dimimpikan. Ini menyebabkan raja berkenaan gering mengidap penyakit. Situasi ini membuatkan Puteri Palinggam Cahaya juga keluar mengembara demi menyelamatkan nyawa ayahandanya. Pengembaraan ini menemukannya dengan Raden Panji Kusuma Ningrat yang juga melahirkan rasa cinta puteri terhadapnya. Rasa cinta ini lahir bukan sahaja kerana ketampanan wajah Raden Panji Kusuma Ningrat tetapi juga tertarik dengan kelembutan tingkah lakunya, apatah lagi memiliki juga ilmu kesaktian.

Begitu juga dengan pengembaraan Raden Panji Dewa, anak kepada Raden Panji Kusuma Ningrat turut menemukan dua jodoh buahnya iaitu Puteri Dewa Melur dan Puteri Cahaya Mastika Intan Khairani. Pengembaraannya bermula untuk mempraktikkan ilmu perburuan, bukan mencari kekasih, namun dalam pengembaraan itu turut menemukan cintanya. Dalam kes pengembaraan Raden Panji Dewa ini dan pertemuannya dengan dua puteri membawa kepada peperangan memandangkan Raden Panji Dewa telah jatuh hati terhadap tunangan Mambang Indera dan Berma Sakti. Biarpun begitu, pengarang memenangkan pada watak Raden Panji Dewa yang dibantu oleh penakawannya Agung Pahlawan atau Laila Percanggi. Di akhir karya ini Raden Panji Dewa berjaya memiliki kedua-dua puteri itu sebagai isterinya. Tegasnya bahawa dalam hal ini, tema syair ini memiliki keserupaan dengan tema cerita panji yang juga berkisar kepada pengembaraan. Cuma sedikit kelainan dicipta bukan menjadi sang pencari cinta, tetapi cinta itu hadir tatkala seperjalanan pengembaraan itu berlaku.

Harun Mat Piah menolak teks syair ini sebagai panji kerana karya syair ini lebih bertemakan hasad dengki. Akibat hasad dan dengki adalah punca pengembaraan bermula sang panji, namun ujarnya hal ini tidak berlaku kepada teks-teks panji. Justeru itu, atas dasar ini *Syair Cendawan Putih Adanya* tidak dapat digolongkan dalam teks panji seperti yang dinukilkan dalam *Cerita-cerita panji Melayu* "...tema cerita panji adalah pengembaraan RIK mencari kekasih Raden Galuh Cendera Kirana dan bukan pokok persoalan hasad dengki dua bersaudara seperti dalam *SCP*" (1980: 148). Pernyataan beliau ini dapat ditangkis jika merujuk kepada teks cerita *Panji Semirang*. Benar pengembaraan Raden Inu Kartapati kerana ingin mencari RGCK yang melarikan diri dari istana. Namun persoalannya ialah faktor Raden Galuh Cendera Kirana melarikan diri dari istana ayahnya Ratu Daha juga kerana hasad dan dengki dari adik tirinya Galuh Ajeng berdasarkan petikan berikut:

*Pada masa itu Paduka Liku dan Galuh Ajeng itu sakit hatinya teramat sangat dan timbullah kedengkian di dalam hatinya melihat Cendera Kirana santap itu. Sungguh masing-masing santap, tetapi hati Paduka Liku dan Galuh Ajeng tiada terlepas dari kedengkian itu.*

*(Hikayat Panji Semirang 1961: 20)*

Ditambah dengan sikap ayahnya sendiri yang dilihat tidak memihak kepadanya, Raden Galuh Cendera Kirana keluar dari istana akibat rasa kecewa dan putus harap. Oleh itu, inilah persamaan tema yang dilihat wujud pada teks *Syair Cendawan Putih Adanya* dengan cerita *Panji Semirang*. Kedua-duanya bertitik tolak atau berpusat pada hasad dengki lalu plot cerita dikembangkan dengan isian peperangan, penyamaran, inkarnasi, juga sayembara. Malah tema hasad dan dengki itu terus dikembangkan pada dua watak dalam *Hikayat Panji Semirang*, namun dalam *Syair Cendawan Putih Adanya*, tema ini hanya digerakkan pada peringkat awal cerita dan dalam aksi menurun. Selain itu, dalam *Hikayat Panji Semirang*, hasad dan dengki itu terus melingkari perjalanan cerita hingga kedengkian itu membawa kematian diri watak Paduka Liku, sedangkan dalam *Syair Cendawan Putih Adanya* hasad dengki itu berakhir dengan rasa bersalah oleh watak Raden Panji Kusuma Wati. Watak antagonis ini memohon keampunan terhadap Raden Panji Kusuma Ningrat. Pernyataan ini diperkukuh dengan pandangan Umar yang menyatakan bahawa dalam *Hikayat Panji Semirang* "...cerita ini mengandungi dua hal yang utama iaitu kebencian dan keirian hati" (1969: 21).

Harun (1980: 119) menjelaskan, plot karya panji berteraskan bertemu-berpisah. Melalui plot bertemu-berpisah itu adanya babak-babak cerita yang terisi dengan pengenalan keluarga panji juga watak-watak utama, pengembaraan panji, perburuan dan sayembara, peperangan, galuh atau panji sakit, penyamaran dan pertemuan akhir serta perkahwinan pelaku. Merujuk kepada hal ini, *Syair Cendawan Putih Adanya* juga turut mencerna plot bertemu-berpisah sebegini. Raden Panji Kesuma Ningrat bertemu dengan dua puteri yang dikahwininya iaitu Puteri Ratna Sari dan Puteri Palinggam Cahaya. Dalam pertemuan kedua-dua puteri ini juga turut diselitkan perpisahan Raden Panji Kusuma Ningrat dengan mereka. Pertemuan Raden Panji Kusuma Ningrat dengan Puteri Ratna Sari sekembalinya dari negeri Tanjung Pura dan perpisahan terjadi kerana Raden Panji Kusuma Ningrat hanyut di Laut Daksa Dewa akibat perbuatan khianat abang tirinya Raden Panji Kusuma Wati. Demi sebuah rasa cinta yang kukuh, Puteri Ratna Sari bersedia menempuh cabaran dan dugaan untuk menjejaki sang kekasih hati Raden Panji Kusuma Ningrat. Akhirnya atas usaha pencarian yang gigih itu, perpisahan yang berlaku berakhir dengan sebuah pertemuan. Pertemuan yang memperkukuhkan lagi ikatan cinta yang terjalin lantaran kebenaran cinta terbukti jujur dan ikhlas.

Keadaan yang sama berlaku dengan pertemuan Puteri Palinggam Cahaya. Biarpun pertemuan hanya seketika, tetapi juga mampu melahirkan rasa cinta lantaran tertarik dengan kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki Raden Panji Kusuma Ningrat. Dengan kata lain, baginda memiliki sifat sesempurna mungkin sebagai seorang manusia. Biarpun begitu, pertemuan ini juga diiringi dengan sebuah perpisahan. Perpisahan akibat perbuatan khianat abang tirinya Raden Panji Kusuma Wati yang mencemburui Raden Panji Kusuma Ningrat kerana Puteri Palinggam Cahaya lebih mencintai Raden Panji Kusuma Ningrat berbanding dirinya. Justeru itu, dengan menolak Raden Panji Kusuma Ningrat ke laut Daksa Dewa adalah salah satu cara untuknya memiliki Puteri Palinggam Cahaya, setelah telur merpati putih yang diinginkan diperolehi. Perpisahan ini lebih tragis apabila Puteri Palinggam Cahaya pula turut dibunuh oleh Raden Panji Kusuma Wati apabila enggan menerima cinta juga enggan menyerahkan telur merpati putih yang dimilikinya. Pertemuan antara Puteri Palinggam Cahaya dan Raden Panji Kusuma Ningrat kembali bersatu apabila Puteri Ratna Sari berjaya menemukan dan menyelamatkan Raden Panji Kusuma Ningrat daripada lemas di Laut Daksa Dewa. Burung merbah memaklumkan kepada Raden Panji Kusuma Ningrat akan perbuatan buruk abang tirinya Raden Panji Kusuma Wati terhadap Puteri Palinggam Cahaya.

Secara umumnya, menurut Harun (1980: 58-83), babak-babak yang mengisi perjalanan plot bertemu-berpisah itu dalam cerita panji terisi dengan sebelas babak. Babak-babak ini berperanan untuk mengembangkannya plot cerita dalam sesebuah karya panji. Babak-babak itu terdiri daripada:

- i. asal keturunan raja-raja Jawa
- ii. Ratu-ratu Kuripan dan Daha inginkan putera
- iii. penjelmaan dewa dan kelahiran watak
- iv. peristiwa-peristiwa yang menyebabkan pengembaraan panji
- v. pembunuhan kekasih panji

- vi. perburuan dan sayembara
- vii. peperangan
- viii. Galuh atau panji sakit
- ix. Galuh dan panji menyamar
- x. permainan wayang
- xi. Pertemuan akhir dan perkahwinan pelaku-pelaku utama.

Selari dengan susunan di atas, *Syair Cendawan Putih Adanya* juga turut mencerna babak-babak yang dinyatakan oleh Harun Mat Piah ini. Babak-babak itu meliputi:

- i. pengenalan keluarga panji juga watak-watak utama
- ii. peristiwa yang membawa kepada pengembaraan panji
- iii. Peperangan
- iv. Galuh atau panji sakit
- v. Penyamaran
- vi. pertemuan akhir serta perkahwinan pelaku
- vii. sayembara.

Memperkenalkan watak-watak adalah permulaan babak syair ini dan dimulakan dengan pengenalan bapa panji iaitu Gemala Putera. Bapa panji ini dijelaskan berketurunan raja dan termashyur serta memiliki wilayah taklukan yang luas. Selain itu, bapa panji juga digambarkan adalah pemerintah adil, dihormati serta disayangi rakyat jelata serta memiliki kekayaan khazanah negara. Selanjutnya dalam memperkenalkan watak-watak pelaku seterusnya dibahagi kepada dua tempat. Maksudnya pada babak awal iaitu permulaan cerita dan babak pertengahan sewaktu klimaks menaik. Pada babak awal iaitu permulaan cerita, diperkenalkan watak bapa panji seperti yang dibicarakan di atas. Seterusnya watak ibu panji iaitu isteri-isteri kepada Gemala Putera Gemala Sari dan Indera Maya.

*Di dalam hikayat tersebut tentu  
Dua orang isterinya ratu  
Gemala Sari nama yang satu  
Indera Maya keduanya itu. (r. 6).*

Sesudahnya itu dikenalkan pula abang tiri Panji yang menjadi watak antagonis dalam cerita hikayat bercorak puisi ini, Raden Panji Kusuma Wati. Kemudian, barulah diperkenalkan pula watak utama cerita ini iaitu Raden Panji Kusuma Ningrat. Dalam memperkenalkan watak ini dari awal lagi, sudah jelas ia memiliki segala kehebatan melalui situasi alam yang seolah-olah seperti menyambut kelahirannya. Begitu juga dengan keluarbiasaan yang dipertunjukkan pada wajah melalui keningnya yang kelihatan bercahaya-cahaya. Ditambah pula dengan penjelasan Brahma melalui pertilikannya bahawa watak ini bakal menjadi pemerintah atau raja yang hebat serta dihormati bukan sahaja golongan manusia tetapi juga dari golongan jin, haiwan dan tumbuhan bak kata seluruh alam seperti menanti kehadiran atau kepemimpinannya. Babak pertengahan diperkenalkan pula anak panji, anak kepada Raden Panji Kesuma Ningrat dengan gelaran Raden Panji Dewa. Cerita dikembangkan pula dengan babak-babak yang dilalui anak panji ini.

Pengembaraan panji pula adalah babak kedua yang akan dihuraikan pada tiga watak iaitu watak Raden Panji Kusuma Ningrat, Raden Panji Kusuma Wati dan Raden Panji Dewa. Ketiga-tiga watak ini keluar mengembara dan dalam pengembaraan itu menemukan cinta. Raden Panji Kesuma Ningrat keluar mengembara buat pertama kalinya untuk mengenali dunia luar setelah membesar di hutan belantara, di Padang Telaga Naga dan singgah di negeri Tanjung Pura dengan gelaran Cendawan Putih. Di negeri itu, Raden Panji Kesuma Ningrat membantu Raja Dewa Syahfari menentang musuh. Seterusnya Raden Panji Kesuma Ningrat menemukan cintanya dengan Puteri Ratna Sari. Pengembaraan kedua, untuk membantu Raden Panji Kusuma Wati mendapatkan telur merpati putih demi menyembuhkan ayah mereka Gemala Putera. Dalam pengembaraan ini menemukan pula cinta kedua Puteri Palinggam Cahaya, puteri raja dari Melaka Pura. Pengembaraan ketiga Raden Panji Kesuma Ningrat bersama Puteri Ratna Sari yang menemukan pula cinta

ketiga dengan Puteri Dewi Ratna anak Raja Belia Indera. Pengembaraan ini untuk kembali semula ke negeri Indera Buangan setelah ditemukan oleh Puteri Dewi Ratna di Laut Daksa Dewa.

Begitu juga dengan Raden Panji Kesuma Wati, watak antagonisnya juga turut keluar mengembara. Pengembaraannya juga menemukan wanita yang dicintai, cintanya terhadap Puteri Palinggam Cahaya. Walau bagaimanapun cintanya ditolak, namun bertemu jodohnya dengan puteri dari negeri Pelangi anak Raja Jin Putera Muktabar. Pengembaraannya yang berpunca untuk mendapatkan telur merpati putih bagi menyembuhkan ayahnya Gemala Putera. Pengembaraan Raden Panji Dewa, anak Raden Panji Kesuma Ningrat pula adalah juga untuk mengenali dunia luar setelah usia meningkat dewasa dan pengembaraan itu turut menemukan cinta pada Puteri Dewi Melur dan Puteri Cahaya Khairani Intan Mastika.

Bagi Harun (2004: 134), pengembaraan dalam cerita panji memberi impak dalam perkembangan alur cerita. Impaknya meliputi enam situasi iaitu ia dapat memanjangkan lagi jalan cerita, mengembang dan menjelaskan serta memperbanyak lagi watak-watak, memadatkan plot cerita, membina penghayatan untuk khalayak terutama dalam konteks ketegangan-ketengangan yang berlaku, mengelakkan pincangnya perjalanan cerita panji itu sendiri dan terakhir menghubungkan jalin pembentukan perwatakan tokoh-tokoh utama cerita.

Peperangan yang dialami panji pula tercerna dalam babak ketiga. Dalam membicarakan hal ini ketigatiga watak bergelar panji melalui beberapa siri peperangan. Peperangan itu pula dapat dibahagikan kepada dua sebab berlakunya iaitu untuk menentang musuh dan mempertahankan hak. Antara contoh faktor peperangan menentang musuh ini dilihat pada babak dalam watak Raden Panji Kusuma Ningrat di negeri Tanjung Pura. Raden Panji Kusuma Ningrat membantu raja Tanjung Pura, Raja Dewa Syahfari menentang musuhnya Raja Dewa Syams yang cuba menakluki kerajaannya. Faktor mempertahankan hak pula dalam dua siri peperangan Raden Panji Dewa. Raden Panji Dewa mempertahankan haknya iaitu cinta sang kekasih dua puteri raja, Puteri Dewi Melur dan Puteri Cahaya Khairani Intan Mastika. Hal ini kerana kedua-dua puteri adalah tunangan putera Raja Mambang Indera dan Berma Indera. Biar pun begitu, kedua-dua puteri jatuh hati terhadap Raden Panji Dewa dan bersedia bukan sahaja untuk meninggalkan tunangan tetapi juga keluarga dan istana yang memiliki segala bentuk kemewahan dan kelengkapan. Oleh itu, apabila Mambang Indera dan Berma Indera cuba merampas kembali tunangan masing-masinglah maka berlakunya dua siri peperangan yang berpunca dari faktor yang sama. Justeru, Raden Panji Dewa berusaha untuk memenangi peperangan memandangkan cinta dua puteri itu adalah haknya yang harus dipertahan. Hal ini turut ditemui dalam *Misa Taman Jayeng Kusuma*, peperangan berlaku antara Panji dengan Ratu Tambak Kenchana kerana mengambil Puteri Anom Daha dan Puteri Majapahit sebagai isterinya. Panji menuntut agar dua puteri itu dikembalikan kepadanya dan kerana keenganan mengembalikan puteri itu, terjadilah peperangan.

Galuh atau panji sakit dan penyamaran adalah antara babak yang harus ada dalam sesebuah cerita panji dan ternyata bahawa teks syair ini juga mempamer babak-babak ini. Dua babak yang diketengahkan dalam syair ini dipertanggungjawabkan pada watak Raden Panji Kusuma Ningrat. Penyamarannya Raden Panji Kusuma Ningrat sebagai rakyat biasa ini ditemukan dalam rangkap 100 hingga rangkap 107 dengan menggunakan gelaran Cendawan Putih tatkala tiba di negeri Tanjung Pura. Walau bagaimanapun penyamaran ini diketahui oleh Raja Dewa Syahfari, raja negeri Tanjung Pura tersebut kerana raja ini menemui kelebihan diri Raden Panji Kusuma Ningrat melalui cahaya yang jelas terpancar tatkala tidur di balairung seri. Melalui episod penyamaran ini plot cerita dikembangkan lagi dengan babak peperangan. Selanjutnya babak galuh atau panji sakit pula dilihat pada peristiwa Raden Panji Kusuma Ningrat terapung di Laut Daksa Dewa akibat kecemburuan abang tirinya Raden Panji Kusuma Wati yang menolaknya jatuh ke laut berkenaan setelah telur merpati putih yang diinginkan berjaya diambil dari telinga naga. Kecemburuan kali kedua terhadap adiknya kerana dua faktor, cintanya ditolak mentah-mentah oleh Puteri Palinggam Cahaya dan mencemburui kehebatan yang dimiliki. Biar pun begitu, dasar cinta yang utuh membuatkan Puteri Ratna Sari cuba menjejaki sang kekasihnya ini dengan kesanggupan menggadai dan bersabung nyawa. Akhirnya Raden Panji Kusuma Ningrat ditemui di laut berkenaan kerana Puteri Palinggam Cahaya juga tersadai di laut berkenaan akibat hempasan ombak hingga memusnahkan kapal dan meragut nyawa pengikutnya kecuali dirinya. Sewaktu pertemuan ini Raden Panji Kusuma Ningrat dalam keadaan lemah dan tidak bermaya. Justeru itu, Puteri Ratna Sari dengan bantuan gemala hikmat dari burung merbah, baginda berjaya dipulihkan. Situasi ini mempunyai persamaan dengan cerita panji *Hikayat Misa Susupan* apabila Galuh jatuh sakit dan hanya disembuhkan dengan air liur naga dan tugas seberat ini hanya termampu dilakukan oleh Raden Inu Kertapati.

Sayembara juga antara babak yang turut diketengahkan dalam syair ini. Biarpun begitu, babak ini tidak dilakonan oleh watak utama sebaliknya dijelmakan pada watak Puteri Palinggam Cahaya, puteri yang bakal ditemui Sang Panji dan akhirnya diperisteri. Sayembara yang disertai oleh Puteri Palinggam Cahaya ketika singgah di negeri Saman Pura. Pada waktu itu, Puteri Palinggam Cahaya telah pun menjelmakan diri sebagai lelaki dengan gelaran Mambang Kaca Merata. Penjelasaannya sebagai lelaki dilakukan bukan sahaja melalui pemakaian tetapi juga fizikal serta ketangkasan. Sayembara ini memerlukan pesertanya mengambil buah delima yang berada di dalam lubang kecil sedalam satu hasta. Kejayaan Mambang Kaca Merata mendapatkan buah delima berkenaan membolehkannya mengahwini puteri raja Saman Pura, Puteri Ratna Melur.

*Tiga hari berkehendakkan serta  
Di lubang dalam sehasta  
Siapa yang dapat titah mahkota  
Ianya menjadi menantunya nyata. (r. 323).*

Sesudah perkahwinan itu, Mambang Kaca Merata mengembara untuk menyelesaikan tugasnya mendapatkan telur merpati putih yang diinginkan ayahandanya Syah Dewa Alam Seri Indera raja negeri Melaka Pura. Pertemuan dan perkahwinan pelaku adalah babak akhir atau klimaks dalam cerita-cerita panji. Menurut Harun (1980: 83), dalam semua cerita-cerita panji telah ditetapkan plotnya bahawa wira dan wirawatnya akan bertemu dan diikuti dengan perkahwinan rasmi baik RIK dan GCK, tetapi juga putera dan puteri lainnya. Merujuk pada pernyataan Harun Mat Piah ini, begitu jugalah dengan teks *Syair Cendawan Putih Adanya* yang mengakhiri ceritanya dengan pertemuan dan perkahwinan pelaku-pelaku utama. Lebih menarik lagi pertemuan akhir dalam teks syair ini menemukan seluruh ahli keluarga yang terpisah dalam suasana bahagia. Hal ini dapat dibuktikan diakhirnya perkahwinan dilangsungkan antara Raden Panji Dewa, anak kepada Raden Panji Kesuma Ningrat dengan Puteri Cahaya Khairani Intan Mastika. Begitu juga dengan putrinya Ratna Gemala dengan Berma Indera, bekas tunangan Puteri Cahaya Khairani Intan Mastika.

Perkahwinan ini bukan sahaja dapat mendamaikan perbalahan yang tercetus akibat rampasan tunangan oleh Raden Panji Dewa terhadap Berma Sakti, namun ia turut mempertemukan seluruh ahli keluarga yang terpisah setelah sekian lama. Raden Panji Kesuma Ningrat bertemu dengan ayahandanya yang ditinggalkan sejak kecil Raja Gemala Putera dan ibu tirinya Gemala Sari. Lebih menarik lagi pertemuan ini diatur oleh dewa, Syah Berma Indera Sakti. Berdasarkan pengakhiran cerita ini jelaslah membuktikan *Syair Cendawan Putih Adanya* ini dapat diklasifikasikan dalam syair cerita hikayat berbentuk panji kerana menurut Noriah (2005: 67), fenomena kegembiraan terakhir salah satu ciri yang tidak kurang pentingnya dalam cerita-cerita panji kerana pengarang cerita jenis ini cuba untuk mencari cara mewujudkan kegembiraan agar digemari khalayaknya.

## **Kesimpulan**

Syair ini memapar tema pengembaraan dan diterapkan bukan sahaja kepada watak wira dan wirawatnya tetapi juga pada watak antagonisnya Raden Panji Kusuma Wati. Seiring dengan tema pengembaraan itu pula ia diisi dengan pengembangan plot bertemu-berpisah. Plot bertemu ditonjolkan pada pertemuan watak Raden Panji Kusuma Ningrat dengan dua watak wirawatnya Puteri Ratna Sari dan Puteri Palinggam Cahaya dan plot berpisahannya juga dijelmakan pada watak-watak ini. Dalam memanjangkan lagi jalan cerita tema pengembaraan ini ditonjolkan pula pada anak Panji iaitu Raden Panji Dewa dan turut diserikan dengan plot pertemuan dengan wirawatnya juga dan disulami episode peperangan. Lantaran itu, tuntasnya *Syair Cendawan Putih Adanya* ini mengetengahkan tujuh daripada sebelas babak yang wujud dalam cerita-cerita yang dapat dikategorikan sebagai panji iaitu pengenalan keluarga panji juga watak-watak utama, peristiwa yang membawa kepada pengembaraan panji, peperangan, Galuh atau panji sakit, penyamaran, pertemuan akhir serta perkahwinan pelaku dan sayembara. Tegasnya, berdasarkan tema dan plot yang dibicarakan, syair ini seharusnya dikategorikan cerita hikayat dalam bentuk panji.

**Penghargaan:** Terima kasih dirakamkan kepada Kerajaan Malaysia yang telah menaja pembelajaran selama dua tahun melalui *MyBrain*. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak atas bantuan penerbitan makalah ini.

### Rujukan

- Abdul Rahman, K. (1989). *Panji Narawangsa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, J. (2004). *Ikhtisar kebudayaan dan prosa Melayu klasik*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Harun Mat, P. (1980). *Cerita-cerita Panji Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat, P. (1989). *Puisi Melayu tradisional: satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naskhah Syair *Cendawan Putih Adanya*. PL 5178.2 C4 S9.
- Noriah, M. (2005). *Sastera Panji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnani, I., Muammar Ghaddafi, H., Shaiful Bahri, M. R. (2023). Penyayang dan Berwawasan Ciri Kepimpinan Pemerintahan dalam Syair Diraja Melayu Perak-Johor Era Kontemporari. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2), 251-265. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2002.22>
- Ruzy Suliza, H. (2007). Pengolahan Semula Teks Lama: Perbandingan Strategi Penulis Wanita Melayu dan Barat. *E-bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 1-18.
- Siti Hawa, S. (Ed.). (1987). *Cendekia Kesusasteraan Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa, S. (1997). *Kesusasteraan Melayu abad kesembilan belas*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar, J. (1969). *Ulasan dan kajian Hikayat Panji Semirang*. Pustaka Melayu Baru.